



Headline: Dua wanita rugi diperdaya 'inspektor'
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 17 August 2019

Language: Malay
Section: Nasioanal
Page: 34

Dua wanita rugi diperdaya 'inspektor'

KEPALA BATAS - Dua wanita masing-masing kerugian RM20,000 dan RM4,700 diperdaya panggilan palsu dalam dua kejadian berasingan di Kepala Batas kelmarin.

Dalam kejadian pertama, seorang wanita berusia 51 tahun yang juga pekerja kilang kerugian RM20,000 ditipu seorang lelaki yang menyamar sebagai inspektor melalui panggilan telefon.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor berkata, lelaki terbabit mendakwa mangsa terlibat kes pengubahan wang haram dan dadah.

"Selepas bercakap dengan mangsa, panggilan disambung ke Ibu Pejabat Polis Seremban, Negeri Sembilan di mana seorang lelaki lain memperkenalkan diri sebagai Inspektor Rosli dan mendakwa dia pegawai penyiasat kes," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* semalam.

Noorzainy berkata, mangsa yang ketakutan telah mengeluarkan wang dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Dalam kes berlainan, seorang kakitangan awam berusia 35 tahun kerugian RM4,700 terpedaya dengan

sindiket yang menggunakan modus operandi sama.

Noorzainy berkata, wanita itu menerima panggilan daripada seorang lelaki yang memperkenalkan diri daripada pegawai polis dan mendakwa dia terlibat pengubahan wang haram.

"Panggilan diterima mangsa disambung ke Ibu Pejabat Polis Kuantan, Pahang dan bercakap dengan polis yang memperkenalkan diri sebagai Inspektor Nordin.

Beliau berkata, mangsa yang terlalu takut membuat pemindahan wang melalui internet.